

Pelarasan gaji secara berfasa

Pelaksanaan disebabkan kekangan, elak tekanan inflasi

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan, pelarasan gaji 15 peratus kepada pegawai Kumpulan Pelaksana serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional susulan pelaksanaan Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bagi menggantikan Skim Saraan Malaysia (SSM) berkuat kuasa 1 Disember ini.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan turut mengumumkan pelarasan gaji sebanyak tujuh peratus kepada pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

"Pelaksanaan pemberian pelarasan gaji ini akan dilaksanakan secara berfasa iaitu pada 1 Disember 2024 bagi Fasa 1 dan mulai 1 Januari 2026 bagi Fasa 2.

"Pelarasan gaji pegawai Kumpulan Pelaksana serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah lapan peratus pada Fasa 1 dan tujuh peratus pada Fasa 2; manakala untuk Pengurusan Tertinggi adalah empat peratus bagi Fasa 1 dan 3 peratus bagi Fasa 2.

"Seperti penjawat awam sedang berkhidmat yang akan diselaraskan gaji pada Disember 2024, penyelarasan pencen juga akan dilaksanakan berdasarkan pelarasan ke atas gaji akhir pesara," katanya ketika berucap pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPP) Ke-19 2024 di sini, semalam.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dan Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Adnan Mat.

Anwar berkata, kerajaan terpaksa melaksanakan pelarasan itu yang membabitkan 1.6 juta penjawat awam secara berperingkat disebabkan kekangan dan untuk mengelak tekanan inflasi kerana dianggar mencecah lebih RM10 bilion setahun, namun jumlah sebenar diperincikan dalam Belanjawan 2025.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, julat peningkatan pendapatan yang akan diterima penjawat awam adalah antara 16.8 hingga 42.7 peratus, menga-

Pelarasan Gaji		
Pelaksana	Pengurusan dan Profesional	Kumpulan Pengurusan Tertinggi
Fasa 1 1 Disember 2024	8%	4%
Fasa 2 1 Januari 2026	7%	3%

mbil kira faedah berganda.

"Sebagai contoh, seorang guru yang berkhidmat selama lima tahun dengan pendapatan bulanan RM3,838 akan menerima pelarasan gaji sebanyak lapan peratus pada fasa pertama, menjadikan pendapatan bulanan kepada RM4,085.04.

"Bagi fasa kedua pada Januari 2026 pula, guru akan menerima pelarasan tambahan sebanyak tujuh peratus, menjadikan pendapatan bulanan mereka kepada RM4,559.24," katanya.

Contoh lain, seorang pegawai polis Gred YA1 dengan pendapatan bulanan RM2,256 akan menerima pelarasan gaji sebanyak RM240, meningkat kepada RM2,496 manakala pada fasa kedua, pendapatannya akan meningkat kepada RM2,726.02.

Kaedah pengiraan

Katanya, kaedah dan formula untuk pengiraan pelarasan akan dijelaskan secara terperinci oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada sesi libat urus akan datang.

"Seperti penjawat awam sedang berkhidmat yang akan diselaraskan gaji pada Disember ini, penyelarasan pencen juga akan dilaksanakan berdasarkan pelarasan ke atas gaji akhir pesara. Turut dipertimbangkan, pengorbanan dan bakti Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Jadi, bagi veteran ATM tidak berpencen, Bantuan Sara Hidup (BSH) akan ditambah daripada RM300 kepada RM500 sebulan bagi yang layak," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, SSPA bukan mengenai pembaharuan dan peningkatan pendapatan penjawat awam semata-mata, sebaliknya ia adalah sistem berteraskan prestasi dan tatakelakuan.

Katanya, selepas ini mana-mana penjawat awam yang cemerlang akan mendapat ganjaran, manakala mereka yang gagal mempamerkan prestasi baik, akan dikenakan tindakan.

"Sepaimana yang selalu saya tegaskan, kita tidak boleh se-

wenang-wenangnya memberikan layanan yang sama kepada semua terutama dalam aspek ganjaran dan pengiktirafan.

"Saya mahu mesejnya jelas supaya penjawat awam yang tidak menunjukkan prestasi kerja yang baik, culas, sering tidak hadir ke pejabat tanpa kelulusan ketua jabatan tidak akan diberikan ganjaran," katanya.

Anwar berkata, pelaksanaan SSPA juga berdasarkan tiga inisiatif reformasi, termasuk untuk meningkatkan kadar produktiviti dan kecekapan perkhidmatan.

"Kedua untuk meningkatkan kesediaan penjawat awam dalam melaksanakan perubahan dan ketiga adalah untuk meningkatkan daya saing negara," katanya.

Justeru, Anwar berkata, dalam aspek pengurusan dan pembangunan bakat, kerajaan bersetuju menambah baik aspek pengurusan prestasi, tatakelakuan dan pengurusan tatatertib.

Katanya, ia membabitkan penambahbaikan Peraturan-peraturan PegaWai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A)395], antara lain mewujudkan peraturan baharu bagi menangani isu kegagalan tadbir urus pengurusan kewangan awam dan pengukuhan prosedur tatatertib lebih tegas bagi pegawai tidak hadir bertugas.

"Pelaksanaan sistem penilaian prestasi tahunan yang baharu bagi menggantikan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) kepada sistem MyPERFORMANCE yang berasaskan kepada aspek kompetensi dan nilai serta menitikberatkan lima prinsip, iaitu adil, objektif, telus, relevan dan kebolehasingan.

"Penambahbaikan kriteria kelayakan Pergerakan Gaji Tahunan iaitu hanya kepada pegawai yang mencapai tahap prestasi yang memuaskan dan lulus tapisan tatatertib," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, markah penilaian prestasi tahunan bagi urusan pemangku dan kenaikan pangkat ditingkatkan daripada 80 kepada 85 peratus.